

06 OKTOBER 2017

## Benjy berdepan penjara 14 tahun di Indonesia

**SELUDUP SYABU**

# Benjy berdepan penjara 14 tahun di Indonesia

**Kuala Lumpur:** Pelakon, Benjy, berhadapan kemungkinan dihukum penjara 14 tahun atas dakwaan menyeludup dadah jenis syabu seberat 4.5 gram ke Indonesia.

Pihak pendakwaan di Mahkamah Daerah Medan pada Rabu lalu memohon hukuman dijatuhkan ke atas Benjy atau nama sebenarnya Khaeryll Benjamin Ibrahim, 38, kerana

melanggar Undang-Undang Narkotik 209 negara itu.

### **Denda RM250,944**

Memetik laporan *The Jakarta Post* kelmarin, pihak pendakwaan juga memohon Benjy membayar denda Rp800 juta (RM250,944) atas kesalahan berkenaan.

Pelakon itu ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Namu, Medan, pada 18 April lalu bersama

dadah yang disembunyikan pada bahagian duburnya.

Dia ditahan kerana gerak gerinya kelihatan mencurigakan, malah motif kedatangannya ke Indonesia juga diragui.

*BH* pada 21 April lalu melaporkan, Benjy ditahan pegawai penguat kuasa kastam dan cukai di lapangan terbang berkenaan ketika tiba dari Malaysia ke Medan pada malam Selasa.